



Badrulhisham ketika menyampaikan **Anugerah Ikon Inovasi kepada Kumpulan De Noona's USIM** pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 di Everly Hotel, Putrajaya.

P Kamalanathan menyampaikan **Anugerah Ikon Pilihan Pembaca Online** kepada Syed Saddiq Syed Abdul Rahman pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 di Everly Hotel, Putrajaya.

BH iktiraf pelajar, IPT



P Kamalanathan bersama Badrulhisham bergambar dengan semua penerima Anugerah Ikon Varsiti BH selepas Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 di Everly Hotel, Putrajaya.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR / BH]

» **Anugerah kali kedua pemangkin semangat**

Oleh Basir Zahrom dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Akhbar memainkan peranan besar sebagai ejen perubahan minda masyarakat khususnya dalam kalangan pelajar.

Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan, berkata justeru, usaha akhbar BH yang memperkenalkan Anugerah Ikon Varsiti BH adalah menepati konsep berkenaan.

Beliau mencadangkan supaya anugerah seumpama itu diper-

luaskan ke peringkat sekolah menengah bagi memastikan ia memberi manfaat kepada bidang pendidikan negara secara menyeluruh.

Anugerah diperluaskan

“Media cetak lain juga perlu mencontohi BH, menganjurkan anugerah berkaitan pendidikan sebagai pemangkin semangat pelajar untuk terbabit secara aktif bukan saja dalam bidang akademik, malah kokurikulum.

“Selain media massa, media elektronik perlu menyokong dan menganjurkan program seumpama ini dengan menggunakan konsep yang lebih kreatif bagi menggalakkan penyertaan lebih menyeluruh,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH 2013, di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Badrulhisham Othman dan Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings (PjH), Datuk Azlan Abdul Karim.

Media cetak lain juga perlu mencontohi BH, menganjurkan anugerah berkaitan pendidikan sebagai pemangkin semangat pelajar untuk terbabit secara aktif bukan saja dalam bidang akademik, malah kokurikulum”

P Kamalanathan,
Timbalan Menteri Pendidikan II

Kementerian Pendidikan beri galakan

Kamalanathan berkata Kementerian Pendidikan amat menggalakkan syarikat media sama ada elektronik dan cetak melaksanakan program tanggungjawab sosial kor-

porat (CSR) dalam bidang pendidikan.

Anugerah yang dianjurkan buat kali kedua itu mempertandingkan dua kategori iaitu individu dan berkumpulan membabitkan 10 anugerah termasuk kepimpinan, sukan, inovasi sosial, reka cipta, keusahawanan, kesukarelawanan, projek khidmat sosial dan seni budaya.

Pemenang bagi kategori individu dan berkumpulan masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM2,000 bersama piala dan RM5,000 bersama piala.

Turut diperkenalkan buat kali pertama adalah Anugerah Perdana Ikon Varsiti yang menawarkan hadiah wang tunai RM10,000 bersama piala yang mana dimenangi oleh Mohd Hafiz Ariffin, 25, dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor Bharu.

Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 juga menyediakan anugerah khas iaitu Anugerah Pilihan Pembaca (Kategori Akhbar) dan Anugerah

Pilihan Pembaca (Kategori Online).

Beri pengiktirafan

Sementara itu, Badrulhisham berkata pertandingan berkriteria dianjurkan bagi memberi pengiktirafan kepada penuntut institusi pengajian tinggi.

“Dengan mewujudkan anugerah seumpama ini, diharapkan kejayaan mereka dapat menjadi contoh dan sumber inspirasi kepada pelajar lain untuk mencapai kecemerlangan yang setanding dengan pemenang atau lebih baik lagi,” katanya.



P Kamalanathan (dua dari kiri) bersama Badrulhisham (kiri) membuat lawatan ke pameran sebelum Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 di Everly Hotel, Putrajaya.

ANUGERAH IKON VARSITI BH

INFO

Senarai nama pemenang Anugerah Ikon Varsiti BH 2013

- ④ Anugerah Perdana Ikon Varsiti Mohd Hafiz Ariffin (Universiti Tun Hussein Malaysia)
- ④ Anugerah Pilihan Pembaca (Kategori Akhbar) Muhd Muzakkir Afiq Musa (Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- ④ Anugerah Pilihan Pembaca (Kategori Online) Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)

Kategori individu

- ④ Anugerah Ikon Kepemimpinan Muhd Muzakkir Afiq Musa (Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- ④ Anugerah Ikon Sukan Anwarrul Aswad Ahmad (Universiti Putra Malaysia)
- ④ Anugerah Ikon Kesukarelawanan Mohd Hafiz Ariffin (Universiti Tun Hussein Malaysia)
- ④ Anugerah Ikon Pengantarabangsaan Chia Wen Shin (Universiti Putra Malaysia)
- ④ Anugerah Ikon Keusahawanan Mohamad Shamirul Afiq Murat (UNIKL-Royal College of Medicine)
- ④ Anugerah Ikon Reka Cipta Muhammad Razif Abdul Razak (Universiti Sains Malaysia)

Anugerah Ikon Inovasi Sosial Siti Hawa Apandi (Universiti Malaysia Pahang)

Kategori berkumpulan

- ④ Anugerah Ikon Khidmat Sosial UTM- ISL Bogra (Universiti Teknologi Malaysia)
- ④ Anugerah Ikon Seni Budaya Kumpulan Gamelan Gema Gangsa UIAM (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)
- ④ Anugerah Ikon Inovasi De Noona's (Universiti Sains Islam Malaysia)

Penerima Anugerah Perdana Ikon Varsiti BH 2013, Mohamad Hafiz Ariffin.

Penerima anugerah sedia turun padang

Putrajaya: Penerima Anugerah Perdana Ikon Varsiti BH 2013, Mohamad Hafiz Ariffin, bersetuju dengan pandangan bahawa pemenang Anugerah Ikon Varsiti perlu turun padang memberi motivasi di sekolah.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) itu berkata, beliau mendapat suntikan semangat untuk bergiat aktif selepas menyertai pengakap ketika di sekolah menengah.

Bukti kecemerlangan
Katanya, penerima Ikon Varsiti boleh dijadikan contoh terdekat apabila menjalankan program ke sekolah kerana mereka mampu membuktikan kecemerlangan dalam bidang selain akademik walaupun masih bergelar pelajar. "Pembabitan dalam pengakap banyak mendidik saya erti survival

dan menjadi seorang yang berdiska dalam banyak aspek.

"Saya aktif dalam kesukarelawanan sejak menyertai unit beruniform sebelum menyertai majlis pemimpin pelajar dan aktif dalam pembangunan belia di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

"Definisi kesukarelawanan luas dan bukan sekadar gotong-royong kerana banyak aktiviti pembangunan masyarakat memerlukan elemen ini," katanya selepas majlis penyampaian hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH 2013, di sini semalam.

Landsaran untuk bergiat aktif
Selain Anugerah Perdana yang membolehkan beliau membawa pulang RM10,000 serta trofi, Mohamad Hafiz turut memenangi Anugerah Ikon Kesukarelawanan dengan hadiah wang tunai RM2,000.

Azlan (kanan) menyampaikan Anugerah Ikon Kepemimpinan kepada Muhd Muzakkir Afiq Musa pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 di Everly Hotel, Putrajaya.

Naib Presiden Pembangunan Organisasi, Bank Rakyat, Mohd Haliemy Sapari (kanan) menyampaikan Anugerah Ikon Reka Cipta kepada Muhammad Razif Abdul Razak.

